

Kaji punca **Puncak Alam banjir**

Kolam tadahan yang kecil antara faktor penyumbang, tidak dapat tampung kapasiti air

PUNCAKALAM – Seramai 29 keluarga yang ditempatkan di Surau At Taufiqiah selepas musibah banjir melanda kawasan perumahan mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing semalam.

Mangsa yang terjejas teruk di Lorong Lautan Samudera itu dibenarkan pulang selepas semalaman bermalam di pusat penempatan banjir selepas air surut.

Penduduk bersama Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) bergotong-royong membersihkan penempatan yang terjejas dan meninjau kolam tadahan hujan berhampiran.

Kerja pembersihan hampir 100 rumah terjejas turut mendapat bantuan penduduk setempat, badan bukan kerajaan (NGO), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pelajar tahfiz berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 07, Mohd Razib Mohd Talib, berkata, pihaknya bersyukur mangsa banjir dapat pulang ke rumah masing-masing.

"Sebelum ini, JPP Zon 07 turut menyumbangkan tunai dan beras bagi membolehkan kebajikan mangsa yang ditempatkan di Surau At Taufiqiah dibela sebaiknya," katanya.

Pengerusi Majlis Permuafakatan Penduduk (MPP) Puncak Alam, Mohd Hanif Md Sultan berkata, masih ada kanak-kanak ditempatkan di pusat penempatan sementara memandangkan ibu bapa mereka pulang mengemas rumah.

"Jadi MPP membantu mendapatkan bekalan makanan untuk sarapan pagi dan tengah hari sementara masih ada yang belum pulang manakala sumbangan pemimpin setempat termasuk Adun Jeram, Datuk



Yang Dipertua MDKS, Noraini Roslan (tiga, kanan) meninjau salah satu kolam tadahan di Puncak Alam.

Amiruddin Setro dan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Jeram banyak membantu.

"Pihak pengurusan pasar raya yang ada turut memberi sumbangan berupa barangan keperluan mencuci rumah sekali gus meringankan

beban mangsa banjir," katanya.

Kaji saluran air keluar

Mohd Hanif berkata, penduduk meminta pihak berwajib kaji secara menyeluruh punca banjir yang

melanda kawasan Puncak Alam termasuk sistem saliran dan kolam tadahan hujan.

"Memang tak dinafikan taburan hujan di kawasan ini menyumbang kepada banjir kilat, bagaimanapun jika saliran tidak bermasalah, mungkin limpahan tidak akan berlaku.

"Mungkin dua tiga kolam tadahan yang ada kecil dan tidak dapat menampung jumlah air yang banyak sehingga menjejaskan penempatan penduduk yang rendah di Sinar Alam (SA2).

"Sebelum ini banjir kilat sering berlaku di Fasa 3 namun kini Alam Suria dan SA2 turut terjejas...perlu

ada pendekatan menyeluruh melibatkan kerjasama semua pihak," katanya.

Isu serius perlu diberi perhatian

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, pihaknya memandang serius isu banjir yang melanda Puncak Alam kerana menjejaskan kehidupan serta keselamatan penduduk.

"Saya beranggapan kerajaan negeri wajib menyalurkan peruntukan besar bagi mengatasi masalah perparitan dan kolam takungan supaya musibah sama tidak berulang.

"Saya juga menyarankan segala kerosakan rumah penduduk terjejas ditanggung kerajaan negeri bagi membuktikan keprihatinan mereka terhadap kebajikan rakyat Selangor.

"Audit keselamatan dan kaedah menangani permasalahan ini juga perlu dibuat supaya musibah tidak berlaku lagi," katanya.

Tambah Irmohizam, sebuah jawatankuasa banjir yang dipengerusikan Pegawai Daerah

Kuala Selangor perlu diwujudkan bagi mengenal pasti punca permasalahan di kawasan Puncak Alam.

"Bencana banjir yang berlaku jelas membuktikan kerajaan negeri langsung tidak cekap dalam isu kemudahan penempatan rakyat...mungkin kerana leka berpolitik menyelesaikan konflik dalaman parti mereka," katanya.



IRMOHIZAM



Penduduk membersihkan kawasan rumah selepas dibenarkan pulang.



Salah satu kolam tadahan di Puncak Alam.



Noraini (tengah) berbincang sesuatu selepas kunjungan ke kawasan terjejas di SA2.